

'Pengundi tidak bodoh'

**Dr Mahathir
sifatkan MCA
dan UMNO
berpura-pura**

Sinar Harian - 15/11/20

PONTIAN

mkr:10

Kerjasama MCA dan UMNO disifatkan sebagai hipokrit kerana kedua-dua parti di bawah Barisan Nasional (BN) itu hanya berlakon bagi mendapat kemenangan pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa, parti itu memainkan sentimen perkauman apabila bersuara mengenai ras dan kononnya pengundi Islam perlu mengundi calon mereka.

Bagaimanapun, katanya, calon pada PRK Tanjung Piai telah dipilih dalam kalangan bukan Islam.

"Tidak ikhlas, hipokrit di depan kononnya pejuang Melayu tetapi bukan Mela-



Dr Mahathir (tengah) pada sidang akhbar Program Sarapan Bersama NGO Tanjung Piai di Warung 800 Pekan Nanas semalam.

yu pun calonnya.

"Memang macam itulah perangai mereka daripada Pas dan BN, cakap lain buat lain," katanya pada sidang akhbar Program Sarapan Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tanjung Piai di Warung 800 Pekan Nanas di sini semalam.

Hadir sama, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengarah Jentera Pakatan Harapan (PH) PRK Parlimen Tanjung Piai, Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Dr Mahathir juga me-

nyatakan harapan agar pengundi tidak terpedaya dengan pembangkang yang didakwa menggunakan pelbagai cara termasuk memanipulasi gambar beliau.

"Saya harap orang di sini jangan dengar hasutan daripada parti BN. Mereka tunjuk gambar saya pakai baju biru seolah-olah berkempen untuk calon BN. Itu satu penipuan.

"Pengundi di Tanjung Piai tidak bodoh, mereka sudah lalui pilihan raya umum sebelum ini. Mereka juga arif dengan penipuan parti lawan kali ini," katanya.